

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**  
**APRIL 2017**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:  
Bahagian A : 30 Soalan Objektif  
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek  
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\*\***

**BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF**

1. Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) merupakan skim tambahan kepada Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Berapakah kadar caruman serta jumlah maksima caruman setiap bulan bagi pekerja dan majikan?
  - a. Kadar Caruman Pekerja 2.5%, Majikan 2.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
  - b. Kadar Caruman Pekerja 3.5%, Majikan 3.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
  - c. Kadar Caruman Pekerja 5%, Majikan 5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja dan Majikan tidak terhad
  - d. Kadar Caruman Pekerja 3%, Majikan 3%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
  
2. Seorang Pegawai dalam Bahagian III yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 3 April 2017. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya?
  - a. 1 April 2018
  - b. 3 April 2018
  - c. 30 April 2018
  - d. 1 Mei 2018
  
3. Lantikan memangku hanya dibenarkan bagi pegawai-pegawai tempatan dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan dan berkontrak sahaja yang telah berkhidmat dalam jawatannya
  - a. Tidak kurang daripada 3 bulan
  - b. Tidak kurang dari 6 bulan
  - c. Tidak kurang dari 12 bulan
  - d. Tidak kurang daripada 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya
  
4. Berapa tempoh notis yang berlu diberikan oleh pegawai/kakitangan yang berhasrat menamatkan perkhidmatannya ?
  - a. Sebulan
  - b. 2 bulan
  - c. 3 bulan
  - d. 6 bulan
  
5. Cuti Lebih Masa adalah cuti yang diberikan untuk menggantikan waktu bekerja lebih masa (overtime). Siapakah pegawai dan kakitangan yang tidak berkelayakan diberikan Cuti Lebih Masa?
  - a. Bahagian I
  - b. Bahagian I dan II
  - c. Bahagian II,III & IV
  - d. Bahagian IV dan V
  
6. Berapakah kadar pembayaran gaji bagi perempuan yang berkahwin mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 100 hari.
  - a. Gaji Penuh
  - b. Tiga suku Gaji
  - c. Separuh Gaji
  - d. Tidak Bergaji

7. Siapakah yang boleh memberi kebenaran Cuti Tanpa Catat.
  - a. Setiausaha Tetap
  - b. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - c. Ketua Jabatan
  - d. Jurukira Agung
  
8. Asas kenaikan pangkat mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83, adalah
  - a. Kelayakan rasmi, pengalaman dan merit
  - b. Kelayakan rasmi, pengalaman dan senioriti
  - c. Kelayakan rasmi, kebolehan dan prestasi
  - d. Kelayakan tertinggi dan integriti
  
9. Cuti Khas menemani suami/isteri yang bertugas di luar negeri diberikan dibawah kementerian atau agensi tertentu kecuali
  - a. Kementerian Pertahanan
  - b. Kementerian Kewangan
  - c. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan
  - d. Agensi Pelaburan Brunei
  
10. Surat Keliling hanya boleh dikeluarkan oleh Kementerian berikut:
  - a. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan
  - b. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ugama
  - c. Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam
  - d. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan
  
11. Tugas dan tanggungjawab utama Bahagian Perkhidmatan Kaunseling adalah antara lain memberikan perkhidmatan kaunseling dan nasihat bagi warga perkhidmatan awam:
  - i. Meningkatkan produktiviti dan kesedaran serta merancang kemajuan kerjaya
  - ii. Mempunyai masalah dan yang diambil tindakan tatatertib
  - iii. Menyediakan kursus bagi yang akan meninggalkan perkhidmatan awam dan sebab persaraan wajib

Pilih salah satu kombinasi jawapan tugas dan tanggungjawab berkenaan:

  - a. i dan ii sahaja
  - b. i, ii dan iii
  - c. i dan iii sahaja
  - d. iii sahaja
  
12. Tiga fokus Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) adalah seperti berikut:
  - a. Orang ramai, proses dan prestasi organisasi
  - b. Orang ramai, piawai dan sikap/etika
  - c. Orang ramai, prosedur dan sikap/etika
  - d. Orang ramai, tempoh masa dan etika kerja

13. Merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 Elaun Insentif bulanan akan diberhentikan jika pegawai-pegawai didalam keadaan berikut:
- Dalam proses diambil tindakan tatatertib
  - Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan seberang laut
  - Naik Pangkat ke Bahagian 1
- Apakah satu keadaan lagi?
- Bertukar gelaran jawatan
  - Mengambil cuti tahunan
  - Bertukar ke Kementerian/Jabatan lain
  - Sepanjang tempoh pegawai menjalani Cuti Tidak Bergaji
14. Siapakah yang boleh memberikan kebenaran Cuti Tidak Bergaji bagi tempoh 25 hari kerana pemohon hendak menunaikan fardhu haji atas perbelanjaan sendiri?
- Ketua Jabatan
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Jurukira Agung
15. Berapakah Kadar Baksis yang diberikan kepada para pegawai kontrak asing dalam Bahagian I, II dan III
- 25% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
  - 20% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
  - 15% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk Kontrak Pertama dan Kedua
  - 20% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk Kontrak Ketiga dan seterusnya
16. Penguasa Tatatertib bagi para pegawai dan kakitangan yang bergaji hari ialah
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - Menteri
  - Pengarah Pentadbiran Kementerian
  - Ketua Jabatan
17. Warga Perkhidmatan Awam yang keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan adalah menyalahi peraturan. Apakah tindakan yang boleh diambil keatasnya?
- Diberikan amaran bertulis dan diturunkan pangkat
  - Diturunkan pangkat dan gaji dan dipindah jabatan
  - Dibuang kerja dengan tidak perlu diadakan perbicaraan tatatertib
  - Digantung daripada menjalankan tugas serta merta dan gaji dan segala elaun ditahan 50%

18. Adalah menjadi kesalahan bagi pegawai Kerajaan untuk menerima atau memperolehi barang-barang berharga, tanpa bayaran atau tanpa bayaran nilai sebenarnya, daripada sesiapa sahaja yang pegawai itu ketahui telah dijalankan atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu. Merujuk (Bab 165), hukuman bagi kesalahan ini ialah :
  - a. Penjara seumur hidup dan denda
  - b. Penjara 7 tahun dan denda
  - c. Penjara kurang daripada 7 tahun dan denda
  - d. Penjara tidak lebih 7 tahun dan denda
  
19. Syarat Perlanjutan Mata Gaji EB Khas adalah :
  - a. Penilaian Prestasi "Cemerlang" selama dua (2) tahun berturut-turut dan telah menerima gaji maksimum selama lebih tiga (3) tahun
  - b. Penilaian Prestasi "Cemerlang" selama dua (2) tahun berturut-turut dan telah menerima gaji maksimum selama lebih dua (2) tahun
  - c. Penilaian Prestasi "Sangat Baik" selama dua (2) tahun berturut-turut dan telah menerima gaji maksimum selama lebih tiga (3) tahun
  - d. Penilaian Prestasi "Sangat Baik" selama dua (2) tahun berturut-turut dan telah menerima gaji maksimum selama lebih dua (2) tahun
  
20. Tatacara perhubungan persuratan diantara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang bukan dalam kementeriannya ialah :
  - a. Memorandum
  - b. Minit
  - c. Bersurat
  - d. E-mel
  
21. APCPA merupakan penghargaan dan anugerah yang disampaikan semasa Sambutan Hari Perkhidmatan Awam kepada Warga Perkhidmatan Awam :
  - a. Sama ada secara perseorangan ataupun berkumpulan yang telah memberikan sumbangan cemerlang untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti organisasi masing-masing
  - b. Yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan.
  - c. Yang mengenal pasti, memilih dan menganalisis masalah yang berkaitan tugas mereka dan mengemukakan cadangan penambahbaikan atau penyelesaian kepada pihak pengurusan
  - d. Yang bersifat pemedulian dengan mengambilkira kepuasan hati pelanggan dan orang ramai serta sentiasa peka, prihatin dan bertanggungjawab.
  
22. Tempoh pembayaran Manfaat Keberterusan (Survivorship Benefit) dari tarikh ahli skim SCP meninggal dunia ialah :
  - a. Seumur hidup
  - b. 20 tahun
  - c. 15 tahun
  - d. 10 tahun

23. “Pekerja yang mempunyai nilai-nilai ini arif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepadanya dengan baik dan berkesan didalam jangka waktu yang telah ditetapkan.” Ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja yang dimaksudkan ialah :
- Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuh keberkesanan
  - Titih , lutan dan menghargai masa asas kejayaan
  - Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian
  - Cepak, cepat dan tepat tuntutan kerja
24. Cuti Kahwin bagi guru dan tenaga pengajar Bahagian III dan ke bawah adalah selama :
- sehari
  - tiga (3) hari
  - seminggu
  - dua (2) minggu
25. Definisi Audit Dalaman menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 10/2003 :
- Penilaian yang dipantau oleh Pengarah Pentadbiran, diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman
  - Penilaian yang dipantau oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan untuk memperkembangkan pengurusan kewangan dan organisasi kementerian dan jabatan kerajaan
  - Penilaian bebas yang diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman
  - Penilaian bebas yang diwujudkan untuk menilai prestasi Kementerian/Jabatan
26. Tempoh keseluruhan cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik persendirian tidak boleh melebihi dari
- Tidak Terhad
  - 7 hari setahun
  - 14 hari setahun
  - 15 hari setahun
27. Bagi mendapatkan Anugerah Skim Latihan Perkhidmatan Seberang Laut pegawai/kakitangan perlu menepati salah satu syarat utama dengan mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga (3) tahun kebelakangan sekurang-kurangnya :
- Sangat Baik (Gred B) bagi dua (2) tahun berturut-turut dan Cemerlang (Gred A) ditahun akhir penilaian
  - Sangat Baik (Gred B) dan Cemerlang (Gred A) berturut-turut di dua tahun terakhir penilaian.
  - Baik (Gred C) bagi dua (2) tahun berturut-turut dan Sangat Baik (Gred B) ditahun akhir penilaian
  - Cemerlang (Gred A) tiga tahun berturut-turut
28. Sistem Pengurusan Prestasi Baru mula berkuatkuasa :
- 1 Oktober 2016
  - 1 Oktober 2017
  - 1 Oktober 2018
  - 1 Oktober 1998

29. Pemberian kadar bonus tahunan bagi warga Perkhidmatan Awam yang mendapat penilaian Tidak Memuaskan dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru ialah :
- 0%
  - 25%
  - 50%
  - 75%
30. Berapakah tempoh ikat janji (bond) dengan Kerajaan bagi pegawai/kakitangan yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) selama enam (6) tahun sehingga kurang daripada tujuh (7) tahun.
- 12 tahun
  - 14 tahun
  - 17 Tahun
  - 19 tahun

**BAHAGIAN B**

**Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.**

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Kehadiran Ke Majlis-Majlis Rasmi Negara.
2. Jumlah Caruman Minimum Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP).
3. Kerahsiaan Maklumat Kerajaan dan Tindakan Jika Didapati Bersalah.
4. Elaun-Elaun Yang Tidak Patut Diterima apabila Cuti Tahunan melebihi 30 hari.
5. BAB 38 (b).
6. Nyatakan 5 sahaja insentif lain yang dikaitkan dengan penilaian prestasi.
7. Dalam mengenalpasti projek atau masalah, ahli-ahli KKC adalah ditegah daripada membincangkan 5 perkara. Nyatakan 5 perkara tersebut.
8. Sila nyatakan syarat am Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS).
9. Elaun Sara Hidup (ESH) adalah untuk semua warga perkhidmatan awam. Sila nyatakan keadaan yang dikecualikan daripada menerima ESH serta kadar ESH sebulan.
10. Nyatakan Jenis-Jenis Lantikan



**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

**SOALAN 1**

**SISTEM PENGURUSAN PRESTASI BARU (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 4/2017)**

1. Nyatakan 2 pembaharuan yang diperkenalkan dalam Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam.  

**(3 markah)**
  
2. Nyatakan Gred, Markah dan Tahap Penilaian bagi Borang Penilaian Prestasi Baru  

**(2 ½ markah)**
  
3. Senaraikan objektif-objektif Sistem Pengurusan Prestasi Baru.  

**(7 markah)**
  
4. Nyatakan cadangan peratus Kaedah Bell Curve yang digunapakai dalm Sistem Pengurusan Prestasi Baru.  

**(2 markah)**
  
5. Apakah yang dimaksudkan dengan Moderation/Calibration?  

**(3 Markah)**

## SOALAN 2

### PENGIKLANAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai (7) kekosongan jawatan. Dua (2) jawatan Pegawai Kakitangan Kanan, tiga (3) jawatan Penolong Pegawai Kakitangan, dua (2) jawatan Kerani. Jawatankuasa Pengurusan memutuskan supaya jawatan Pegawai Kakitangan Kanan untuk diberi peluang dalaman manakala jawatan Penolong Pegawai Kakitangan untuk diambil dikalangan graduan lepasan ijazah dan urusan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri. Awda selaku pegawai yang mengendalikan Pentadbiran, diminta untuk memberikan cadangan yang khusus bagi memenuhi keperluan diatas.

1. Terangkan kaedah-kaedah pengiklanan yang memenuhi ketiga-tiga jenis jawatan berkenaan.  
**(6 markah)**
2. Selain daripada kaedah di atas sila terangkan satu lagi kaedah pengiklanan.  
**(2 markah)**
3. Terangkan kaedah penubuhan jawatankuasa pengambilan bergaji hari dan penetapan jawatan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007.  
**(4 ½ Markah)**
4. Kadar pembayaran Gaji Hari bagi yang berkelulusan HND, Ijazah Lulus, Ijazah Kepujian, Ijazah Sarjana, PhD.  
**(5 Markah)**

**SOALAN 3**

**TATATERTIB**

1. Hawa binti Haji Isa dikira meninggalkan pekerjaannya dan dikategorikan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran. Terangkan peranan Ketua Jabatan dengan merujuk tatacara tindakan pegawai dan kakitangan tidak hadir bekerja tanpa kebenaran.

**(8 Markah)**

2. Kegagalan pegawai melaporkan ketidakhadiran Hawa binti Haji Isa akan dikenakan tindakan tatatertib. Bagaimanakah tindakan yang dimaksudkan?

**(2 markah)**

3. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi Pegawai Kerajaan Bahagian I hingga V.

**(2 Markah)**

4. Adam bin Haji Ibrahim, Pegawai Pendidikan mula berkhidmat di Jabatan Sekolah-Sekolah mulai 7 Mac 2015 selepas memperolehi Ijazah Sarjana iaitu, MSc International Development di University of Kent at Canterbury United Kingdom dalam Skim Dermasiswa Kerajaan dan diikatjanji untuk berkhidmat dengan kerajaan selama lima (5) tahun. Setelah berkhidmat 18 bulan, Adam berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan mulai 1 Oktober 2016 dengan memberikan notis menamatkan perkhidmatan satu (1) bulan. Adam tidak lagi menunggu kebenaran daripada pihak tertentu dan mengambil tindakan sendiri dengan tidak lagi berkhidmat mulai 1 Oktober 2016.

Adakah tindakan Adam bin Haji Ibrahim menamatkan perkhidmatan memenuhi syarat? Siapakah yang berkuasa membenarkan permohonan menamatkan perkhidmatan. Terangkan syarat-syarat bagi permohonan menamatkan perkhidmatan.

**(5 ½ Markah)**